

International Nuclear Science and Technology (INST 2019) Bangkok, Thailand

oleh: Zaifol Samsu

Malaysian Nuclear Agency, Bangi, Kajang, Selangor.

INST2019 merupakan persidangan dwitahunan yang dianjurkan oleh *Thailand Institute of Nuclear Technology* (TINT) yang menghimpunkan para penyelidik dan saintis dari seluruh pelusok dunia untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman berkaitan sains dan teknologi nuklear. Persidangan ini berlangsung pada 4 - 6 Februari 2019 bertempat di Centara Grand, Central Ladprao, Bangkok, Thailand. Slogan persidangan kali ini adalah "*Nuclear for Better Life*" iaitu peranan nuklear dalam pembangunan kehidupan manusia ke arah yang lebih baik. Seramai 153 orang pembentang telah membentangkan hasil kerja mereka samada dalam bentuk pembentangan lisan atau poster. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Puteri Maha Chakri Sirindhorn.

Kesinambungan dari persidangan ini, *Newton Neutron Application Workshop* juga telah diadakan pada 5 Februari 2019 di bawah kelolaan TINT - STFC *Newton Program on Skills for Large Facilities*. Empat orang penyelidik dari Malaysia terpilih sebagai penceramah jemputan untuk membentangkan hasil penyelidikan mereka iaitu Dr. Muhamad Rawi Muhamad Zin, Dr. Julia Abdul Karim, Dr. Julie Andrianny Murshidi dan En. Zaifol Samsu.



Empat penyelidik Malaysia yang berjaya mendapat tajaan dari TINT.



Penyelidik Nuklear Malaysia yang membentangkan hasil kerja mereka: En. Zaifol Samsu sebagai pembentang oral (kiri) dan Dr. Julia Abd Karim dan Dr. Julie Andrianny Murshidi sebagai pembentang poster (kanan).



Penyampaian cenderahati kepada Dr. Muhamad Rawi Muhamad Zin sebagai pengerusi sesi.



Para peserta mengambil peluang bergambar di reaktor TRIGA Thailand.

Bengkel ini merupakan platform untuk perkongsian pengetahuan para penyelidik dari United Kingdom dan menguatkan keupayaan pengetahuan dan keupayaan saintifik para penyelidik dari rantau Asia Tenggara dalam penggunaan teknik neutron. Di akhir persidangan ini, satu sesi lawatan ke *Thai Research Reactor* TRIGA Mark III telah diadakan. Reaktor dengan kuasa 1.2 MW ini telah beroperasi dan memberikan perkhidmatan kepada komuniti Thai melebihi 50 tahun. Penggunaan utama reaktor ini adalah untuk penghasilan radioisotop, irradiasi batu permata, *neutron activation analysis* (NAA) dan pengimejan neutron.